

265
33/79
487
106/80
4

UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA
MENTERI/TIMBALAN PRESIDEN UMNO,
DATUK HUSSEIN ONN, DI PEMBUKAAN
KONVENSyen UMNO, PADA HARI JUMAAT,
22HB FEBRUARI, 1974 JAM 4.00 PETANG
DI DEWAN SEKOLAH UGAMA, MENENGAH
TINGGI, JALAN ^{KG.} MERBAH, AMPANGAN,
SEREMBAN.

Pengerusi Konvensyen,
YAB Datuk Mansor Othman,
Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO,
Ahli Jawatankuasa Perhubungan Negeri,
Saudara-saudara sekalian,

1. Saya bersyukur ke hadrat Allah kerana pada hari ini dapat membuat lawatan singkat kali kedua ke Negeri Sembilan, dan seterusnya membuka Konvensyen UMNO Negeri, pada petang ini. Dalam hubungan ini, saya sukalah mengucapkan berbilang terimakasih kepada Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri kerana telah sudi menjemput saya untuk melakukan upacara pembukaan ini.

2. Dalam tempoh beberapa bulan yang lepas, UMNO Negeri telah sibuk mengadakan Konvensyennya dan hanya Negeri Kelantan dan Trengganu saja yang masih belum menyempurnakan Konvensyen itu. Dalam tempoh seminggu dua ini, kita telah sama-sama meneliti ucapan yang dibuat oleh Tun Presiden, semasa meresmikan Konvensyen UMNO Negeri Johor dan Melaka yang menghuraikan perkembangan politik tanah air serta menggariskan arah perjuangan parti di masa akan datang.

3. Melihat dari sambutan yang diberikan untuk Konvensyen ini, ternyatalah bahawa Negeri Sembilan juga tidak mahu ketinggalan pada mengadakan sambutan yang besar serta menunjukkan minat tentang pentingnya Konvensyen kepada ahli-ahli parti.

Sememangnya adalah mengadakan Konvensyen ini adalah satu daripada tradisi parti kita untuk mengembeling tenaga ahli bagi menyempurnakan tugas-tugas yang lebih besar di masa depan sambil meninjau kejayaan dan juga kelemahan yang kita alami di masa yang lepas.

Saudara-saudara sekalian,

4. Sepertimana yang telah ditegaskan di dalam Konvensyen Parti di masa yang lalu, tujuan kita mengadakan Konvensyen ini ialah untuk memupuk kesedaran di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO pada peringkat negeri, khasnya mengenai perkembangan politik tanah air pada masa ini. Di samping itu, adalah menjadi tujuan kita untuk mendalamkan lagi pengetahuan ahli mengenai tugas dan peranan

UMNO dan Perikatan di dalam menghadapi tahun-tahun hadapan, yang saya percaya, mengandungi banyak cabaran dan pergolakan.

5. Pada saat ini, sangatlah mustahak ahli-ahli UMNO di peringkat cawangan dan bahagian untuk mengetahui akan tugas dan tanggungjawab mereka, dan menerusi mereka pula memberi fahaman kepada ahli atau rank-and-file, terutama semasa menghadapi kegiatan parti dan juga pilihanraya.

6. Sebagai ahli parti yang mendukung Kerajaan, sewajarnya tiap-tiap ahli mengambil berat dan tahu akan perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai oleh Kerajaan pada memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial rakyat, terutama sekali kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan dasar ekonomi baru.

7. Dari Konvensyen yang diadakan ini bukan saja para peserta akan dapat mendengar penerangan dari pihak yang bertanggungjawab mengenai perlaksanaan dasar Kerajaan di peringkat pusat dan negeri, tetapi juga akan dapat menyuarakan segala sesuatu yang menjadi kemusykilan mengenai hal-hal yang bersangkutan dengan kehidupan rakyat. Dengan cara ini, kita berharap para peserta yang dipilih akan dapat memanjangkan pula penerangan mereka kepada ahli di cawangan masing-masing supaya mereka bersedia memberikan kerjasama yang lebih berkesan untuk menjayakan cita-cita parti dan Kerajaan.

8. Negara kita telah mengalami perubahan. Konsep parti UMNO juga turut berubah.

Pada masa memperjuangkan kemerdekaan dulu, kita mahu negara Merdeka, sebagai anak kunci memperjuangkan nasib rakyat. Setelah tercapainya kemerdekaan, konsep kita ialah untuk mengisi kemerdekaan itu bagi memenuhi kehendak-kehendak rakyat. Sesudah bertahun-tahun Merdeka, sudah semestinyalah kita memerlukan penilaian yang mendalam mengenai kegiatan parti kita, pemimpin kita dan ahli-ahli kita dalam mencapai cita-cita parti dan pertaliannya dengan rakyat.

Saudara-saudara sekalian,

9. Sebagaimana yang seringkali ditegaskan oleh Tun. Presiden ialah tentang perlunya memelihara perpaduan dan persefahaman di kalangan ahli-ahli parti, pada semua peringkat.

Dan setelah tertubuhnya "Front Kebangsaan" dan dengan masuknya parti-parti lain, khususnya Persatuan Islam Setanah Melayu menyertai Kerajaan Campuran, maka perlulah ahli UMNO mengadakan persefahaman dengan ahli Pas serta parti-parti lain dalam "Front Kebangsaan" itu bagi memupuk perpaduan dan mencapai cita-cita Nasional, seluruhnya. Mengenai parti UMNO, saya yakin dengan adanya ahli-ahli bersatu teguh memberikan sokongan dan kepercayaan penuh kepada pucuk pimpinan parti dan seterusnya Kerajaan, sudah pasti tidak ada gulungan yang boleh mengganggu serta memecah-belahkan kita, ataupun cuba mengambil alih kekuasaan pada menjalankan pentadbiran negara.

9A. Sebaliknya, kalau kita tidak padu, kalau ahli-ahli berpecah dan kalau keyakinan orang ramai kepada kemampuan pemimpin berkurangan, maka berbagai-bagai kemungkinan akan berlaku. Menghadapi masalah inilah, organisasi parti, kegiatan parti dan tata-tertib parti sentiasa ditingkat dan diperkuatkan. Oleh itu, usaha hendaklah sentiasa dijalankan bagi membaik dan meninggikan imej parti. UMNO hendaklah sentiasa menjadi teras bagi membela masalah rakyat.

Saudara-saudara sekalian,

10. Berbalik kepada hubungan parti dengan rakyat, pada umumnya, bolehlah saya sifatkan dengan berhasilnya kemerdekaan, ahli-ahli dan penyokong parti, yang turut memperjuangkan

kemerdekaan itu telah meletakkan sepenuh harapan pada pemimpin untuk membawa perubahan dengan memperbaiki nasib mereka dalam satu keadaan atau "revolution of rising expectations".

11. Ini satu perkembangan yang pasti kerana setiap rakyat yang mudah cara pemikirannya, sentiasa mengharapkan sesuatu yang nyata atau murni dengan segera, untuk kesejahteraan hidup. Tetapi hal ini tentulah tidak mudah atau dapat dihasilkan dengan sekelip mata. Ia memerlukan usaha dan pengorbanan. Hasrat rakyat boleh dicapai dengan kedua-dua gulungan iaitu Kerajaan dan rakyat, yang dipandu oleh pemimpin parti berganding bahu, bekerjasama menjalankan projek-projek pembangunan. Saudara-saudara maklum, bahwa Kerajaan telah mengadakan rancangan dan juga peruntukan wang bagi

membantu menghasilkan kemajuan dan kemakmuran rakyat. Untuk melaksanakan maksud ini, kita mengharapkan perubahan sikap dan pimpinan dedikasi tokoh-tokoh parti di peringkat bawah. Sekalipun kita telah berusaha, tetapi tidak semuanya yang dapat dihasilkan. Pelaksanaan kepada dasar telah menimbulkan kemusykilan. Itulah sebabnya, di masa akhir ini, kita telah mendapati ada gulungan yang mendakwa tentang wujudnya penyelewengan di setengah pemimpin pada mencapai hasrat rakyat. Reaksi kepada dakwaan ini disambut oleh beberapa gulungan-gulungan khasnya, gulungan terpelajar. Kita sedang berusaha membetulkan keadaan ini supaya tidak berlaku keadaan, yang boleh disifatkan sebagai "revolution of rising frustration".

12. Hakikat yang kita hadapi sekarang ialah sungguhpun kita mempunyai gulungan cerdas pandai yang ramai, tetapi janganlah untuk mengkritik dan memberi nasihat saja. Kita kekurangan gulungan yang dinamis dan boleh menjayakan sesuatu. Terhadap tujuan inilah Kerajaan berharap supaya gulungan terpelajar, bukan saja setakat sanggup memberikan pendapat, teguran dan kritik, tetapi sebaliknya sanggup bertungkus lumus, membimbing rakyat memberi pengorbanan tegas dan berkesan bagi mencapai taraf kehidupan yang lebih tinggi.

Saudara-saudara,

13. Gulungan rakyat marhaen yang berpendapatan rendah di negara kita ini maseh ramai.

Kaum tani dan buruh yang beratus-ratus ribu jumlahnya berkehendakkan pimpinan. Mereka menghadapi beberapa masalah hidup, seperti tidak mempunyai tanah, atau tanah yang ^{tidak} cukup luas, masalah kekurangan kemudahan, masalah tindasan daripada gulungan yang ingin membuat untung. Demikian juga kita mempunyai gulungan nelayan yang ramai bilangannya, nelayan yang mahukan taraf penghidupan yang selesa.

Dalam keadaan yang seperti inilah, mereka menghadapi cabaran hidup yang cukup besar yang memerlukan pimpinan dan organisasi yang matang.

14. Kita juga mempunyai gulungan pekebun-pekebun kecil yang beratus ribu bilangannya, yang juga menghadapi beberapa masalah hidup. Semua gulungan ini inginkan perbaikan hidup. Mereka inginkan sesuatu yang baik dalam dunia ini, sepertimana kita yang dapat nikmatnya di Bandar-bandar. Terhadap mereka inilah, saya percaya menjadi satu cabaran yang sangat besar kepada gulungan-gulungan yang hanya boleh membuat teguran-teguran dan mengkritik. Saya percaya, kaum-kaum terpelajar yang pada masa ini mempunyai

semangat yang penuh berkubar-kubar, semangat cintakan negara, bangsa dan tanah air, semangat sanggup berkhidmat akan menerima cabaran itu. Lapangan inilah yang mereka harus tuju, supaya bukan saja Kerajaan menumpukan tenaga bagi mengatasi masalah tersebut, tetapi mendapat sokongan dan sumbangan dari cerdik pandai kita.

15. Pada masa ini, semasa negara sangat-sangat memerlukan perpaduan dan persefahaman rakyat, terdapatlah gulungan yang menjalankan spekulatif politics dan divisive politics.

16. Parti Komunis yang semenjak beberapa tahun lalu tidak mengakui dan memberi

apa-apa penghargaan pun, kepada kemajuan yang telah kita capai telah cuba memecah-belahkan rakyat, menyalahkan Kerajaan, menyalahkan pemimpin-pemimpin dan mengkritik segala sesuatu yang dijalankan oleh Kerajaan yang mereka sifatkan, tidak ada satupun yang betul. Benih "divisive politics" yang telah ditanam, dipupuk oleh anasir-anasir komunis dan anti-nasional ini telah mula diterima oleh satu golongan masyarakat kita yang turut menimbulkan issue demi issue.

17. Saya berharap rakyat terbanyak yang menjadi "silent majority" tidak akan terpengaruh oleh anasir-anasir ini dan sebaliknya memberikan sokongan dan sumbangan kepada Kerajaan pada menjalankan tugas-tugas

membangun negara dan memberi faedah pada rakyat. Saya berharap di kalangan ahli parti kita akan sentiasa timbul semangat perpaduan, semangat persefahaman dan semangat untuk membangun parti serta mengukuhkan kekuatan berdasarkan faedah bersama.

Saudara-saudara,

18. Secara terus terang, kita tidak menafikan adanya gulungan kecil tokoh kita yang mementingkan diri untuk kemewahan sendiri. Nasib mereka ini sebagai pemimpin adalah terletak di tangan saudara sekalian. Sekiranya mereka tidak meletakkan kepentingan parti atas diri sendiri terpulanglah kepada saudara untuk memberikan kesempatan memimpin kepada tokoh yang jujur dan amanah.

19. Oleh itu, saudara-saudara hendaklah bertenang, dan bersifat waras untuk bertindak dengan penuh bijaksana sesuai dengan keinginan supaya parti sentiasa bersih dan pemimpin kita sentiasa jujur, amanah, ikhlas dan dedikasi.

Saudara-saudara,

20. Perjuangan UMNO, seperti yang ditegaskan oleh Tun Presiden masih belum selesai. Banyak tugas lagi yang menunggu di hadapan kita, khususnya pada meletakkan landasan politik yang benar-benar dapat menjamin perpaduan dan kesejahteraan jenerasi akan datang. Masih banyak masalah yang menjadi sungutan rakyat terutama sekali rakyat bumiputra yang memerlukan perhatian dan patut diatasi.

Untuk memenuhi amanah rakyat yang diberikan kepada parti, maka mustahaklah UMNO berjuang mengukuhkan jentera pentadbiran, meningkatkan kegiatan politik, mengadakan rancangan-rancangan yang boleh menarik orang ramai pada menyokong dan meletakkan kepercayaan kepada kita sesuai dengan kemampuan parti memperjuangkan nasib hidup mereka. Menurut Tun Presiden, mustahaklah kita merangka strategi yang imaginative untuk mendapatkan keyakinan jenerasi termuda, khasnya kaum terpelajar yang sangat kritikal terhadap establishment. Kumpulan muda yang terpelajar patutlah diakui sebagai kumpulan yang mempunyai daya dan semangat yang patut kita salurkan punca kekuatan mereka kepada arah membantu parti dan mengukuhkannya.

Dalam pada itu janganlah pula kita lupa bahwa parti kita mempunyai susunan dan peraturan tertentu yang memerlukan setiap ahli mematuhi disiplin dan tata-tertib sebagai parti politik yang terbesar dan mempunyai kekuatan yang teristimewa.

Saudara-saudara sekalian,

21. Sepertimana yang kita maklum, negara kita sedang dilanda oleh gejala inflasi yang memberi kesan buruk kepada rakyat. Kerajaan telah mengambil langkah positif mengatasi masalah ini dengan penubuhan sebuah Majlis Perunding antara parti dalam front Kebangsaan untuk menentukan strateji di samping mengadakan satu Jawatankuasa tetap yang

mengkaji sedalam-dalamnya masaaalah inflasi serta langkah yang perlu dijalankan pada mengatasinya. Berdasarkan kepada syor-syor jawatankuasa ini, dari semasa ke semasa kita akan dapat menjalankan tindakan secara sistematik dan berkesan menghadapi masaaalah ini dan mengurangkan beban rakyat yang menderita akibat kenaikan harga itu.

22. Selain dari tindakan Kerajaan, UMNO patut pulalah menggembeling tenaga rakyat mengatasi masaaalah ini seperti mengurangkan perbelanjaan atas barang-barang yang tidak perlu, membanyak pengeluaran bahan makanan supaya kita menumpu untuk membeli sahaja, membantu Kerajaan pada melapurkan gulungan yang menyimpan sorok barang-barang dengan

tujuan menjual dengan harga tinggi dan langkah lain yang sesuai dengan kempen ini. Kempen anti sorok ini akan dilancarkan pada 1hb Mac. Hadiah-hadiah tertentu akan diberi atas maklumat yang disampaikan. Saya akan menghuraikan butir-butir kempen tersebut dalam sehari dua ini. Saya yakin dengan kerjasama semua gulungan yang terlibat dengan masalah ini, kita akan berjaya mengurangkan tekanan inflasi tersebut.

Saudara-saudara sekalian,

23. Saya telah bercakap panjang mengenai kedudukan parti dan juga tugas-tugas ahli dalam bidang menjayakan kegiatan parti.


Perkara ini saya tegaskan sebagai tambahan kepada pesanan yang telah dibuat oleh Tun Presiden mengenai kewajipan yang perlu diberikan oleh ahli dan juga pemimpin-pemimpin terhadap kemajuan serta keutuhan parti dan negara.

24. Untuk mengakhiri kata, saya inginlah menyampaikan pesanan bahawa parti kita adalah sentiasa berhadapan dengan rakyat, berhadapan bukan saja pada masa kita mengadakan pilihan raya, tetapi pada setiap masa. Di sinilah rakyat sentiasa mengukur akan kebolehan parti dan kemampuan kita untuk memberikan sesuatu kepada mereka. Terhadap tujuan ini, hendaklah sentiasa kita ingat bahawa kejujuran kita baik pada tindakan dan kata-kata, sentiasa dinilai dan diuji.

Di sinilah saya mengharapkan supaya setiap kita yang mempunyai kepentingan parti dan rakyat memberikan perhatian sewajarnya.

25. Dengan harapan, ingatan dan analisa inilah saya dengan sukacitanya meresmikan Konvensyen UMNO Negeri Sembilan pada petang ini, semoga Allah akan memberkati cita-cita kita.

Terimakasih.





No. Siri	589 / -
No Penerimaan	99 / 79